




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 259 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 21,448 kes. Hari ini dua (2) kes kematian dicatatkan iaitu satu (1) di Daerah Sandakan dan satu (1) di Kota Kinabalu. Takziah kepada semua ahli keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 553 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala, seramai 2,935 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 739 orang di hospital dan 2,196 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 69 orang dan 19 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Ranau bertukar dari zon jingga ke zon kuning, Manakala Daerah Nabawan dari zon kuning ke zon hijau.

- 4 Pada hari ini, terdapat tiga (3) kluster baharu direkodkan iaitu:
 - (i) Kluster Karamunting di Daerah Sandakan sebanyak 21 kes;
 - (ii) Kluster Saga di Daerah Kota Kinabalu sebanyak sembilan (9) kes; dan
 - (iii) Kluster Haven di Daerah Lahad Datu sebanyak 11 kes.
- 5 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,010 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 8,091 katil menjadikan jumlah keseluruhan 9,101 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 32.25%.

B. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PANGSAPURI MUTIARA KASIH DAN TAMAN KHAZANAH INDAH, LAHAD DATU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan PKPD di Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah, Lahad Datu bermula 13 Oktober 2020 sehingga 26 Oktober 2020 yang kemudian dilanjutkan lagi dari 9 November 2020 sehingga 23 November 2020.
- 2 Berdasarkan penilaian risiko dan saringan yang telah dilaksanakan oleh KKM mendapati kes positif COVID-19 di kawasan ini telah menurun dan terkawal.
- 3 Sehubungan itu, atas nasihat KKM, Sidang Khas MKN hari ini bersetuju agar pelaksanaan PKPD di kedua-dua lokaliti ini ditamatkan pada 11 November 2020 lebih awal daripada penetapan sebelum ini.
- 4 Walau bagaimanapun, lokaliti ini masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seluruh Negeri Sabah yang sedang berkuatkuasa.

C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **157,935** bakul makanan telah diagihkan.

D. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sebanyak 67 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 42,326 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 191 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 50 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 84 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96.8%.
- 2 Tiga Daerah mencatatkan kadar pematuhan yang tinggi ialah Kinabatangan (99%), Sipitang (99%) dan Kunak (98.5%).
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 21 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 22 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di lima (5) premis di dua (2) buah daerah Tawau Semporna.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 141 lokasi di 20 buah daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Mandarin, Bahasa Kadazan dan Bahasa Bajau.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantai COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

#kitajagakita #stayhome #staysafe

#workfromhome

#normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**
11 November 2020